# Kisah Kejayaan (April - Jun 2015) PI KPG.HILIR MALUDAM

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Name of PI**<br>**Nama PI** | Pusat Internet Kg. Hilir Maludam |
| **Location**<br>**Lokasi** | Kpg Maludam Pusa, Betong Sarawak |
| **Name of person(s)**<br>**Nama** | **IZZUL IMAN HAKIM BIN SARBINI** |
| **Details of person (s)**<br>**Butiran diri** | **UMUR**: 12 TAHUN<br>**JANTINA**: LELAKI<br>**TAHAP PENDIDIKAN: SEKOLAH RENDAH**<br>**PEKERJAAN**: PELAJAR TAHUN 6 |
| **Success story**<br>**Kisah kejayaan** | ***How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story***<br>***Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda.***<br><br>❖ *Internet memudahkan proses pembelajaran saya. Kalau dulu saya hanya bergantung dengan buku-buku yang ada untuk mengulangkaji atau membuat rujukan. Kadang-kadang selepas waktu pengajaran dan pembelajaran selesai, saya perlu berjumpa guru untuk meminta bimbingan membuat kerja rumah dan bertanya subjek yang kurang faham.Tetapi kini tidak lagi, saya sudah boleh mempelbagaikan teknik pembelajaran saya. Jika ada yang saya kurang faham saya boleh belajar melalui internet. Bukan itu sahaja, saya juga boleh mencari pelbagai maklumat atau menjawab soalan secara atas talian melalui kaedah pembelajaran uniclіq.* |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | ***How did your life improved after learning how to use the internet***<br>***Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.***<br>❖ *Proses pembelajaran menjadi semakin mudah, senang, menyeronokkan dan lebih cepat faham.*<br>❖ *Saya boleh membaca tentang isu-isu semasa, pelbagai jenis karangan yang mana banyak membantu saya dalam penulisan karangan.*<br>❖ *Matematik dan Bahasa Inggeris merupakan dua subjek lemah saya dan kurang diminati, tetapi sekarang tidak lagi. Dengan adanya kaedah belajar secara visual dalam internet, saya sudah mampu mendapat B untuk peperiksaan baru-baru ini dan saya yakin saya mampu mendapat A untuk UPSR nanti.*<br>❖ *Bukan dari segi akademik semata-mata tetapi merangkumi semua aspek. Dengan adanya Youtube saya kini boleh memperbaiki kemahiran berpidato saya.* |
| **Keterangan gambar**<br>**Photo caption** | ***Describe activity and person(s) in every photo provided***<br>***Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.*** |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | **Gambar 1:**<br><br>*Bukan hanya untuk menghadiri kelas atau menggunakan pc, adik Iman juga sering datang ke PI bagi mengulangkaji pelajaran.*<br><br>**Gambar 2:**<br><br>*Menjadikan "Youtube" sebagai medium untuk mempraktiskan kemahiran berpidato.* |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|

**Gambar 3:**




*Tamat sesi kelas Microsoft Word (Memasukkan jadual) , Iman mencuba untu membuat jadual belajar sendiri tanpa bantuan petugas.*

**Gambar 4:**



| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | *Bukan sahaja aktif ketika Kelas ICT, tetapi juga di sekolah ketika Program Klik Dengan Bijak diadakan di SK.Maludam. Adik Iman mampu merumus semula sesi taklimat dengan amat baik.* |
| **Photo caption names<br>Keterangan gambar berserta nama** | ***-Tiada-*** |
| **Feedback<br>Maklumbalas** | ***1. What was your first impression towards PI?***<br>***Apakah pandangan pertama anda terhadap PI?***<br>❖ *Sebuah Cyber Cafe dimana saya boleh bermain permainan atas talian dengan kadar bayaran yang agak tinggi bagi saya yang masih bersekolah. Tetapi kini bagi saya PI ibarat sekolah kedua saya. PI merupakan gedong ilmu pengetahuan bagi saya. Saya boleh belajar atas talian, saya mengikuti kelas ICT pada hujung minggu, saya boleh membaca buku-buku yang disediakan di PI dan saya sering dibantu oleh petugas PI ketika melakukan ulangkaji disana.*<br><br>***2. What attracted you to come and use the facilities in PI?***<br>***Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI?***<br>❖ *"Macam-macam ada". Saya boleh menggunakan pelbagai kemudahan yang ada. Internet sudah semestinya, kelas ICT, saya juga sering datang untuk fotostat nota, saya juga selalu mencetak nota yang saya perolehi dari internet.*<br><br>❖ *Baru-baru ini saya membuat Kad Hari Ibu dan Kad Hari Guru dengan menggunakan Microsoft*<br><br>*Word dan meminta petugas untuk mencetaknya* |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | *dan membantu saya untuk menghias kad tersebut agar lebih cantik dan menarik.*<br><br>**3. *How can PI help others to be successful?***<br>***Bagaimanakah cara PI dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?***<br>❖ *Dengan adanya kelas yang diadakan secara percuma. Ia dapat membantu penduduk kampung untuk belajar dan tidak membebankan mereka dengan bayaran.*<br>❖ *Dengan adanya Pusat Internet dikampung kami, ianya memudahkan urusan harian penduduk kampung.*<br>❖ *Sumber internet yang dibekalkan dan petugas yang berkemahiran banyak memberi kesan positif.Mengenali “dunia siber” ibarat satu kejayaan bagi penduduk kampung dimana bagi kami PI  adalah satu kemudahan.*<br><br>**4. *Can you suggest improvement to be made to PI? (facilities, training activities, promotions, etc)***<br>**Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.** |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | **Dari segi kemudahan:**<br><br>❖ *Menyediakan PI dengan lebih banyak buku-buku rujukan dan buku-buku soalan yang boleh dipinjam dan dibawa balik kerumah untuk satu tempoh tertentu.*<br>❖ *Membina PI dikawasan yang lebih sesuai dan aman dari bunyi bising memandangkan PI berada dikawasan deretan rumah penduduk kampung.*<br><br>▪ **Aktiviti latihan/kursus/promosi DLL**:<br>❖ *Menyediakan nota yang lebih terperinci ataupun buku rujukan supaya kami boleh belajar sendiri dirumah.*<br>❖ *Ruang bilik latihan yang lebih besar dan luas agar lebih selesa terutama pada waktu bengkel.*<br><br>**Cadangan:**<br>❖ *Cadangan saya agar PI dapat membina bangunan sendiri yang lebih selesa dan sesuai.* |
| | |

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) & GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**